

22/11/2003

16 warga miskin bersyukur dapat sumbangan raya

LANGKAWI: Seramai 16 warga miskin di sini bersyukur kerana dipilih menerima sumbangan wang tunai dan pakaian daripada Badan Amal Kebajikan Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti), petang kelmarin.

Sumbangan disampaikan Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali pada majlis berbuka puasa di masjid lama Ulu Melaka di sini, yang turut dihadiri Tun Dr Mahathir Mohamad serta kira-kira 1,000 tetamu.

Hadir sama Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain; Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian yang juga Ahli Parlimen Langkawi, Datuk Abu Bakar Taib dan pemimpin masyarakat sekitar Langkawi.

Seorang penerima sumbangan itu, Latifah Ali, 52, bersyukur kerana ada pihak yang mengambil berat terhadap kehidupan warga miskin, terutama menjelang Aidilfitri.

"Saya gembira menerima sumbangan ini. Apatah lagi buat pertama kali saya menerima sumbangan disampaikan sendiri oleh Tun Dr Siti Hasmah," katanya yang menetap di Kampung Ulu Melaka, di sini.

Warga emas, Som Baharom, 61, dari Kampung Baru pula berkata, sumbangan itu meringankan sedikit beban yang ditanggungnya untuk membuat persiapan menjelang 1 Syawal.

"Saya membuat persiapan ala kadar bagi sambutan Aidilfitri tahun ini, jadi sumbangan ini dapat meringankan beban untuk membeli barangan asas seperti beras dan daging," katanya.

Ahmad Abdullah, 70, yang menerima sumbangan itu untuk kali pertama berkata, beliau bersyukur dan gembira kerana keprihatinan pihak tertentu terhadap golongan kurang upaya menyambut Aidilfitri.

Beliau yang tinggal di Kampung Bukit Tangga, berkata sekalipun bantuan sekadar wang tunai RM30 dan sehelai baju, ia amat berharga baginya.